



BUKU PANDUAN

# *Program Pascasiswazah 2018/2019*

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA



## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	
Kalendar Akademik Sesi 2018/2019	4	
Misi dan Visi Universiti Malaya dan Fakulti Pendidikan	5	
Kata Aluan Dekan	6	
Maklumat Am Universiti Malaya	7 – 8	
Maklumat Am Fakulti Pendidikan	9 - 12	
Pentadbiran	13	
Ahli-Ahli Fakulti	14 - 21	
Kakitangan Sokongan (Bukan Akademik)	22 - 23	
<b>STRUKTUR PROGRAM</b>		
<b>IJAZAH KEDOKTORAN</b>		
PVA	Doktor Falsafah secara Penyelidikan	25 - 30
PWA	Doktor Falsafah secara Kursus dan Penyelidikan	31 - 34
<b>IJAZAH SARJANA (SECARA PENYELIDIKAN)</b>		
PMD	Sarjana Pendidikan	35 - 37
<b>IJAZAH SARJANA (SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)</b>		
POH	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam)	41 – 44
POI	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan)	45 – 48
POJ	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual)	49 – 52
POK	Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan)	53 – 56
POC	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains)	57 – 60
POD	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Matematik)	61 – 64
POE	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)	65 – 68
POG	Sarjana Pendidikan (Perkembangan Kurikulum)	69 – 72
POA	Sarjana Teknologi Pengajaran (Reka Bentuk Pengajaran)	73 – 76
POB	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-Kanak)	77 – 80
POM	Sarjana Pendidikan (Pengukuran dan Penilaian)	81 – 84
POL	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Khas)	85 – 88
PON	Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)	89 – 92
POF	Sarjana Pendidikan (Perancangan dan Pentadbiran)	93 – 96
POP	Sarjana Kepimpinan Pendidikan	97 - 100

<b>IJAZAH SARJANA (SECARA KURSUS)</b>		
PQC	Sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi Maklumat	101 - 104
PQD	Sarjana Pendidikan Matematik dengan Teknologi	105 - 108
PQA	Sarjana Kaunseling Profesional	109 – 113
PQB	Sarjana Pengurusan Pendidikan	114 – 118
PQE	Sarjana Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua	119 – 122
PQG	Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia	123 – 126
PQF	Sarjana Pendidikan Bahasa Arab	127 - 130
<b>GARIS PANDUAN</b>		
Garis Panduan Penyediaan Tesis, Disertasi dan Laporan Penyelidikan		131


**UNIVERSITI MALAYA  
KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2018/2019**

SEMESTER I		
Haluansiswa	1 minggu	03.09.2018 – 09.09.2018
Kuliah	8 minggu*	10.09.2018 – 04.11.2018
Cuti Pertengahan Semester I	1 minggu*	05.11.2018 – 11.11.2018
Kuliah	6 minggu*	12.11.2018 – 23.12.2018
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	24.12.2018 – 01.01.2019
Peperiksaan Akhir Semester I	3 minggu	02.01.2019 – 20.01.2019
Cuti Semester	4 minggu*	21.01.2019 – 17.02.2019
	<b>24 minggu</b>	
SEMESTER II		
Kuliah	8 minggu	18.02.2019 – 14.04.2019
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu	15.04.2019 – 21.04.2019
Kuliah	6 minggu*	22.04.2019 – 02.06.2019
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	03.06.2019 – 09.06.2019
Peperiksaan Akhir Semester II	3 minggu	10.06.2019 – 30.06.2019
	<b>19 minggu</b>	
CUTI TAHUNAN		
Cuti	<b>11 minggu*</b>	01.07.2019 – 08.09.2019
SEMESTER KHAS		
Kuliah	7 minggu*	01.07.2019 – 18.08.2019
Peperiksaan Akhir Semester Khas	1 minggu	19.08.2019 – 25.08.2019
Cuti	2 minggu*	26.08.2019 – 08.09.2019
	<b>10 minggu</b>	

*Cuti Hari Keputeraan YDP Agong (10 September 2018)*  
*Awal Muharram (11 September 2018)*  
*Cuti Hari Malaysia (17 September 2018)*  
*Deepavali (6 November 2018)*  
*Maulidur Rasul (20 November 2018)*  
*Hari Krismas (25 Disember 2018)*  
*Cuti Tahun Baru (1 Januari 2019)*

*Thaipusam (21 Januari 2019)*  
*Hari Wilayah Persekutuan (1 Februari 2019)*  
*Tahun Baru Cina (5 & 6 Februari 2019)*  
*Hari Pekerja (1 Mei 2019)*  
*Cuti Hari Wesak (20 Mei 2019)*  
*Nuzul Al-Qu'ran (22 Mei 2019)*  
*Hari Raya Aidilfitri (5 & 6 Jun 2019)*  
*Hari Raya Aidil Adha (11 Ogos 2019)*  
*Hari Kebangsaan (31 Ogos 2019)*

## MISI DAN VISI UNIVERSITI MALAYA DAN FAKULTI PENDIDIKAN



## KATA ALUAN DEKAN, FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI MALAYA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan rasa bangga dan besar hati saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua pelajar baharu bagi sesi Tahun Akademik 2018/2019. Tahniah dan terima kasih kerana memilih Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran. Fakulti yang terulung ini bukan sahaja telah mencipta nama di peringkat nasional bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Seiring dengan pencapaian Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan juga telah berjaya meningkatkan tarafnya dengan tersenarai sebagai salah satu daripada 100 Fakulti Pendidikan terbaik di dunia. Pencapaian ini tidak tiba dalam sekilip mata tetapi adalah berasaskan daya usaha dan keprihatinan daripada setiap ahli fakulti serta para pelajar. Dengan usia lebih 50 tahun, Fakulti Pendidikan terus unggul dengan kejayaan menghasilkan kira-kira 20,000 graduan cemerlang.

Program ijazah yang ditawarkan oleh fakulti bukan hanya menyediakan pelajar dengan ilmu intelektual dan kemahiran semata-mata tetapi turut menghubungkan teori dan amalan bagi mempersiapkan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan. Sehingga kini, graduan kami tidak hanya menyerlah dalam industri tempatan malah turut menyinar di persada antarabangsa.

Untuk memastikan kecemerlangan yang mampan, misi dan visi fakulti haruslah didukung ke arah hala tuju yang hendak dicapai. Perancangan disusun dengan teliti untuk generasi akan datang.

Dalam kami berbangga dengan kejayaan ini, Fakulti Pendidikan sentiasa peka terhadap cabaran-cabaran baharu yang dihadapi oleh negara dan juga arena pendidikan. Justeru, Fakulti Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menghasilkan graduan yang berupaya menjadi pemikir dan menyumbang kepada idea-idea baharu seterusnya mampu menyumbang dalam bidang penyelidikan pendidikan masa kini.

Salam hormat dan selamat maju jaya!

**'LANGKAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ANDA BERMULA DI SINI'**

**PROFESOR DR. ROHAIDA MOHD SAAT**  
DEKAN  
FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA

## MAKLUMAT AM UNIVERSITI MALAYA

**Universiti Malaya (UM)** merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 dari gabungan *King Edward VII College of Medicine* (1905) dan *Raffles College* (1928). Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1956. Dalam usaha memperkuatkannya pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara rasminya Universiti Malaya di Kuala Lumpur telah diiktiraf serta mengangkat martabat kepada universiti kebangsaan pada 1 Januari 1962. Sejak itu, Malaysia (Gabungan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak pada 1963) melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan. Selaras dengan ini Universiti Malaya terus melipat gandakan usahanya untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, Universiti Malaya disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dua akademi, dua belas fakulti, empat institut dan tiga pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Selain daripada itu, dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu, Universiti Malaya telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaharu dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkuatkannya dengan tertubuhnya pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pada 11 Oktober 2006, Universiti Malaya telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai salah satu dari lima universiti awam sebagai universiti penyelidikan. Pada 26 Januari 2012 pula, Universiti Malaya telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali Kementerian Pendidikan Tinggi). Di atas kejayaan Universiti Malaya dalam pengurusan penyelidikan, proses audit *Malaysian Research Assessment Instrument II* (MyRA II), Kementerian Pendidikan Tinggi ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan Universiti Malaya sebagai '*the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks*' pada 1 Disember 2013.

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, Universiti Malaya terus memperkuatkannya kedudukannya dalam dunia akademik di peringkat nasional maupun antarabangsa. UM berada pada kedudukan ke-87 di dunia bagi *QS World University Ranking 2019* dan di tangga ke-24 bagi *QS Asian University Rankings 2018*. UM juga merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 400 universiti terbaik dunia (*Academic Ranking of World Universities*) oleh *Shanghai Jiao Tong, China*. Pencapaian ini menobatkan Universiti Malaya sebagai universiti terbaik di Malaysia. Pada 6 Mei 2014, Universiti Malaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mendapat penarafan 5 bintang oleh *QS Stars Ratings*. Universiti Malaya juga telah diiktiraf sebagai Universiti Pilihan oleh *Reader's Digest Trusted Brand* selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2016. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori Universiti Awam pada 27 Mei 2014. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha Universiti Malaya menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Seiring dengan universiti-universiti antarabangsa, Universiti Malaya menjalankan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dari 71 buah negara. Di antara universiti terkemuka dunia yang menjalankan kerjasama secara aktif dengan Universiti Malaya adalah:

University of Cambridge  
Harvard University  
Kyoto University  
University of Sydney  
Queen Mary, University of London  
Queen's University, Belfast

Beijing Foreign Studies University  
Tsinghua University  
National University of Singapore  
National Taiwan University  
Yale University  
University of Hyderabad

*University of Malaya High Impact Research* (UM HIR) telah ditubuhkan pada Februari 2010 dan telah diperuntukkan sejumlah RM10 juta dana dalaman UM bagi menggalakkan penyelidikan fundamental yang mensasarkan penerbitan *Tier 1* ISI/WoS. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta untuk Program UM-MoHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga Jun 2016.

Sehingga kini, UM telah melantik empat Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka terdiri daripada Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Sir Dr. Richard Roberts (Psikologi atau Perubatan), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, Universiti Malaya telah berjaya memperolehi akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya *Washington Accord*, *Institution of Chemical Engineers UK*, *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*, *Association of Building Engineers*, *Royal Institute of British Architects (RIBA)*, *The Association of Chartered Certified Accountants*, *The Chartered Institute of Management Accountants*, *Institute of Chartered Accountants England and Wales*, *Certified Practicing Accountants of Australia*, *SMBG-Eduniversal France*, *Royal College of Surgeons of England UK*, *Institute of Physics & Engineering in Medicine UK*, *Association of MBA*, *UK* dan banyak lagi untuk memastikan kurikulum universiti memenuhi keperluan kebangsaan dan antarabangsa, dan ini menunjukkan program kita adalah relevan secara global.

Sebagai universiti ulung di negara ini, Universiti Malaya berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi dan mencapai kedudukan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

## MAKLUMAT AM FAKULTI PENDIDIKAN

**Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM)** ditubuhkan pada 1963, dan pada awalnya dinamakan Sekolah Pendidikan Universiti Malaya. Sekolah Pendidikan Universiti Malaya dibentuk untuk menawarkan Diploma Pendidikan, satu program pasca ijazah, bagi siswazah yang memilih profesion perguruan. Sekolah Pendidikan berkembang dengan amat pesat dan dinaikkan taraf kepada status fakulti pada bulan Julai 1965. Program Sarjana Pendidikan telah ditawarkan untuk julung kalinya selepas dua tahun kemudian, diikuti dengan penawaran program Doktor Falsafah pada tahun 1969.

Sejak penubuhannya, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya telah berjaya melahirkan hampir 20,000 siswazah, iaitu lebih daripada 15,000 pemegang Diploma Pendidikan, lebih daripada 2,282 graduan Sarjana, dan kira-kira 3,500 dengan ijazah dasar pendidikan.

Fakulti Pendidikan menerima pakai peranan proaktif dalam usaha memenuhi era perubahan yang berterusan dalam bidang pendidikan. Ini termasuk penyemakan dan penelitian semula program dan kursus, penyemakan kurikulum dan instruksi untuk memasukkan, jika perlu, perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan.

Untuk mencapai wawasan ini, Fakulti telah mengenal pasti objektif yang berikut:

- Untuk menghasilkan guru yang cekap bagi sekolah dan institusi pendidikan lain.
- Untuk menghasilkan pakar dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat pengajian pasca ijazah dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat inovasi, penyelidikan asas dan aplikasinya dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia
- Menjadi pusat latihan dan perundingan dalam bidang pendidikan dan pembelajaran untuk organisasi dan institusi.

Pada tahun 1970, pada dasarnya, struktur Fakulti Pendidikan adalah terdiri daripada lima bahagian yang berbeza. Bagaimanapun, oleh sebab perkembangan baru dan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan, Fakulti Pendidikan telah melalui satu siri penstrukturkan dan pembentukan semula organisasinya bagi membolehkan Fakulti ini memenuhi hasrat visi dan objektifnya. Pembentukan struktur organisasi terbaru Fakulti Pendidikan telah dilaksanakan apabila jabatan-jabatan yang berikut ditubuhkan.

- Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan
- Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling
- Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan
- Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
- Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains
- Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
- Institut Kepimpinan Pendidikan

Di samping menawarkan kursus-kursus peringkat ijazah tinggi, sejak permulaan penubuhannya, Fakulti Pendidikan terlibat dalam beberapa program ijazah dasar. Salah satu daripada program ini ialah program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan. Program ini dimulakan bersama dengan Fakulti Sains Universiti Malaya pada tahun 1975 bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk guru-guru sains dan matematik bagi peringkat sekolah menengah atas. Selain itu, program ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam juga telah diperkenalkan pada tahun 1982. Kursus ini

ditawarkan dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi menyediakan guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah.

Pada tahun 1980, Fakulti Pendidikan mula menawarkan program ijazah dasarnya sendiri, iaitu Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (PBISBK). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Satu program ijazah dasar dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak ditawarkan buat pertama kalinya pada tahun 1998 dan diikuti dengan satu lagi program ijazah dasar yang membawa kepada penganugerahan ijazah Sarjana Muda Kaunseling in 1997. Program Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Tamil) ditawarkan pada tahun 2000 dan pengambilan kumpulan pelajar terakhir bagi program tersebut ialah pada tahun 2004. Pada tahun 2004, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) Pendidikan Rendah telah ditawarkan.

Pada masa ini program sarjana muda yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
2. Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3. Sarjana Muda Kaunseling

Peranan Fakulti Pendidikan tidak terhad kepada pendidikan guru sahaja. Setiap ahli Fakulti mempunyai kepakaran tersendiri dalam bidang pendidikan, dan kebanyakan ahli akademik di Fakulti ini berkhidmat sebagai penasihat atau pakar runding kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berbagai-bagai organisasi. Setengah-setengah daripada mereka bertugas rapat dengan agensi-agensi antarabangsa termasuk Bank Dunia, UNESCO, UNICEF, IBRD, RECSAM, dan RELC. Semua staf Fakulti ini terlibat secara aktif dalam penyelidikan, dan sejumlah besar kertas kerja dan artikel telah diterbitkan di kedua-dua peringkat, tempatan dan antarabangsa. Kebanyakan geran penyelidikan ditaja oleh Universiti Malaya atau agensi dalam dan luar negara.

Fakulti Pendidikan telah memulakan usaha ke arah misinya untuk menjadikan Fakulti ini sebagai satu pusat pendidikan ijazah tinggi dalam bidang pendidikan yang membawa kepada penganugerahan ijazah sarjana dan doktor falsafah. Fakulti berhasrat untuk mengeluarkan pendidik berijazah tinggi bagi memenuhi permintaan sistem pendidikan yang dinamik. Dengan kekuatan semasa kakitangan akademik, yang hampir kepada 100 orang, berbanding dengan jumlah staf yang tidak seberapa, iaitu hanya lima orang, pada tahun 1963, tidaklah menghairankan bahawa Fakulti mempunyai sekumpulan pakar berbakat yang boleh memberikan sumbangan yang lebih besar kepada perkembangan dalam bidang pendidikan.

Fakulti Pendidikan mempunyai jumlah terbesar pelajar ijazah tinggi untuk mengikuti pengajian ijazah sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya. Di antara calon, yang terdiri daripada rakyat Malaysia, terdapat calon ijazah tinggi dari luar negara seperti Libya, Thailand, Brunei, Fiji, Sri Lanka, Cook Island, Samoa, China, Afrika, dan lain-lain. Dengan kehadiran pelajar dari luar negara, pendedahan dan latihan menjadi lebih luas apabila setiap pelajar dapat berkongsi pandangan dan pengalaman lepas.

Fakulti Pendidikan menawarkan pelbagai pilihan dalam bidang pengajian untuk ijazah Sarjana Pendidikan. Di antaranya ialah bidang:

1. Perkembangan Kurikulum
2. Perancangan dan Pentadbiran
3. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
4. Psikologi Pendidikan
5. Pengukuran dan Penilaian
6. Pendidikan Khas

7. Pendidikan Bahasa Arab
8. Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
9. Pendidikan Bahasa Malaysia
10. Pendidikan Matematik
11. Pendidikan Sains
12. Sosiologi Pendidikan
13. Pendidikan Islam
14. Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan
15. Pendidikan Seni Visual
16. Pendidikan Awal Kanak-Kanak
17. Sarjana Pendidikan - *penyelidikan*
18. Dan pengajian-pengajian bidang lain yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa

Di samping program Sarjana Pendidikan di atas, Fakulti juga menawarkan beberapa program profesional. Di antaranya ialah:

1. Sarjana Kaunseling Professional
2. Sarjana Pengurusan Pendidikan
3. Sarjana Teknologi Pengajaran (Reka Bentuk Pengajaran)
4. Sarjana Pendidikan Matematik dengan Teknologi
5. Sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi Maklumat

Fakulti Pendidikan menawarkan program Doktor Falsafah Secara Penyelidikan dan juga secara Kursus dan Penyelidikan. Bagi Program Doktor Falsafah Secara Kursus dan Penyelidikan 3 bidang ditawarkan buat masa ini adalah;

1. Kurikulum dan Pengajaran
2. Pengurusan dan Dasar Pendidikan
3. Kaunseling

Fakulti Pendidikan turut menawarkan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan secara kursus yang merangkumi bidang-bidang pengkhususan seperti berikut:

1. Fizik
2. Kimia
3. Biologi
4. Matematik
5. Sains Komputer
6. Kejuruteraan
7. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
8. Pendidikan Islam
9. Pendidikan Tahfiz
10. Bahasa Malaysia
11. Teknologi Pengajaran
12. Dan bidang pengkhususan lain yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa

Walaupun pada asalnya bahasa pengantar pengajian kebanyakannya dilaksanakan melalui pengantar bahasa Melayu, namun semakin banyak kursus ditawarkan melalui pengantar bahasa Inggeris. Ini membolehkan para pelajar luar negara yang tidak fasih dalam bahasa Melayu dapat mengikuti pengajian ijazah tinggi melalui pengantar bahasa Inggeris di Fakulti ini. Secara praktikal, semua staf akademik Fakulti Pendidikan adalah tenaga akademik dwibahasa, iaitu mereka berkempenan dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Untuk pelajar dari luar negara yang

tidak menguasai bahasa Melayu, Fakulti ini menyediakan, sebaik mungkin, tatacara pengajian khas, agar mereka dapat meneruskan pengajian kursus mereka dalam bahasa Inggeris.

**PENTADBIRAN**  
**FAKULTI PENDIDIKAN**

**PENTADBIRAN**

Dekan	: <b>Profesor Dr. Rohaida Mohd Saat</b> BSc(Indiana), MScEd(Indiana), PhD(UPM)
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	: <b>Profesor Madya Dr. Zaharah Hussin</b> BEdHons, MEd(Mal), PhD(UKM)
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	: <b>Profesor Madya Dr. Zawawi Ismail</b> BAHons(Yarmouk), DipEd(IIUM), MEd(UKM), PhD(UKM)
Timbalan Dekan (Pembangunan & Penyelidikan)	: <b>Profesor Madya Dr. Ahmad Zabidi Abdul Razak</b> BEdHons, MEd(Mal), PhD(Massey)
Ketua Penolong Pendaftar	: <b>Aziah Saad</b> BSc.Maths(SIU), MPS(UM)
Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi)	: <b>Mohd Norazlin Mansor</b> DipMgt(UTM), BComm(Hons)(UPM), MComm(UPM)
Penolong Pendaftar (Ijazah Dasar)	: <b>Anida Kamaludin</b> DBS(UiTM), BBA (Hons)
Pegawai Projek	: <b>Sa'idad Nafisah Mohd Zahari</b> BHSc (Hons)(IIUM), MPA(UM)  : <b>Madihah Mohamad Idris</b> B.EdTESL(UM)

## AHLI-AHLI FAKULTI

### JABATAN PENGURUSAN, PERANCANGAN DAN DASAR PENDIDIKAN

Ketua  
Profesor Madya

: **Husaina Banu Kenayathulla**  
BAct(UIA), DipEd(UIA), MEd(Mal), MSCED(Indiana),  
PhD(Indiana,USA)

Profesor Madya

: **Muhammad Faizal A. Ghani**  
BBA(UUM), DipEd(MTC), ESL(Indiana), MBA(UKM), PhD(Mal)

**Ahmad Zabidi Abdul Razak**  
BEdHons, MEd(Mal), PhD(Massey, New Zealand)

**Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud**  
BA, MSc(St.Thomas Miami), PhD(Mal)

Pensyarah Kanan

**Zuraidah Abdullah**  
DipEd(Mal), BA(Mal), MPRinc(Mal), PhD(Mal)

**Kazi Enamul Hoque**  
BA(Dhaka), B.Ed(Rejshahi), MSS(Dhaka), M.Ed(Darul Ehsan),  
PhD(USM)

**Simin Ghavifekr**  
BEd(IAU), MEd(UPM), PhD(Mal)

**Norfariza Mohd Radzi**  
BAcc(Uniten), MBA(UPM), PhD(Mal)

**Intan Marfarrina Binti Omar**  
BA (UTM), PhD (UTM)

## JABATAN ASAS PENDIDIKAN DAN KEMANUSIAAN

Ketua	: <b>Ghazali Darusalam</b> BAHons(UKM), CertEd(MPI), MA(UKM), PhD(Mal)
Profesor Madya	: <b>Zaharah Hussin</b> BEdHons, MEd(Mal), PhD(UKM)
Pensyarah Kanan	: <b>Abd. Razak Zakaria</b> BAHons(UKM), MA(UKM), PhD(Mal)
	: <b>Abdul Muhsien Sulaiman</b> BISIED, MEd, PhD(Mal)
	: <b>Vishalache Balakrishnan</b> CertEd(MPIK), Specialist CertEd(MPIK), BEdTESLHons(Mal), Med(Mal), PhD(VUM,NZ), CertESOL(NZ)
	: <b>Wail Muin Alhaj Said Ismail</b> BSc, Med, PhD (Yarmok)
	: <b>Che Aleha Ladin</b> CertEd(MPTB), Bed(Hons), MA(Education), PhD(UPSI)
Pensyarah	: <b>Mohd Faisal Mohamed</b> Bjuris(AI al-Bayt), MA(Portsmouth)
	: <b>Rahimi Md Saad</b> BAHons(Yarmouk), DipEd(IIUM), Med(Mal)
Pensyarah Kanan Pelawat	: <b>Mohammad Ismath Ramzy</b> BA (Hons), MA(ISU), MA (AMIJUM), PhD (UIAM)
Pengajar-Skim Latihan Akademik Bumiputra	: <b>Mohamad Muhidin Patahol Wasli</b> BISIED, Med(Mal)

## JABATAN PENDIDIKAN BAHASA DAN LITERASI

- Ketua : **Adelina Asmawi**  
BEdTESLHons, MEd(Tech)(Mal), PhD(Melbourne)
- Profesor : **Abdul Jalil Othman (Dato')**  
CertEd(MPSAH), BedHons(UPM), Med(Mal), PhD(Mal)
- Profesor Madya : **Zawawi Ismail**  
BAHons(Yarmouk), DipEd(IIUM), Med(UKM), PhD(UKM)
- : **Juliana Othman**  
BEdTESOLHons(Moray Hse, UK), MA, PhD(Reading)
- Pensyarah Kanan : **Chew Fong Peng**  
BAHons, DipEd(UKM), MA, PhD(UKM)
- : **Muhammad Azhar Zailaini**  
BAHons(Morocco), DipEd(IIUM), MEd(Mal), PhD(Mal)
- : **Zuwati Hasim**  
BEdTESLHons, MAESL(UKM),PhD(Waikato,NZ)
- : **Shanina Sharatol Ahmad Shah**  
BEdTESOLHons(Surrey,UK), MEdTESL (Mal),PhD(Mal)
- : **Mohd Rashid Mohd Saad**  
BEdTESLHons(UKM), MEd(Leeds), PhD(Mal)
- : **Huzaina Abdul Halim**  
CertEd(MPIK),DipBanking(ITM),BEdTESLHons,MScTESL(UPM ), PhD(London)
- : **Fatiha Senom**  
BEdTESL(Mal),PhD(Mal)
- : **Lim Jia Wei**  
Bed(TESL), M.A.(Mal), Mphil, PhD(Cambridge)
- Pensyarah : **Foziah Mahmood**  
CertEd,DipESL(Mal), BEdTESLHons(UPM), MEdTESL(Leeds)

## JABATAN PENDIDIKAN MATEMATIK DAN SAINS

Ketua	: <b>Suzieleez Syrene Abdul Rahim</b> BScEd(Hons)(Mal), MEd(Mal), PhD(Western Australia)
Profesor	: <b>Rohaida Mohd Saat</b> BSc(Indiana), MScEd(Indiana), PhD(UPM)
Profesor Madya	: <b>Sharifah Norul Akmar Syed Zamri (Datin)</b> BSc, MEd(Ohio), PhD(Mal)
Pensyarah Kanan	: <b>Leong Kwan Eu</b> BSc Ed(Mal), MEd.ICT(Mal), MSc. (Columbia) MA(Columbia), MPhil (Columbia), PhD(Columbia)
	: <b>Renuka a/p V.Sathasivam</b> BSc(Mal), MEd(Mal), MSc(Mal), PhD(Mal)
	: <b>Rose Amnah Abd. Rauf</b> BScEd(UTM), MScEd(Warwick), PhD(UKM)
	: <b>Selva Ranee a/p S.Subramaniam</b> BSc(USA), DipEd.(Mal), MEd.(Mal), PhD(UKM)
	: <b>Syed Kamaruzaman Syed Ali</b> BPend,(UNIMED), MSc(UPM), PhD(UPSI)
	: <b>Hidayah Mohd Fadzil</b> BSC.Ed(Mal), PhD(Mal)
Pensyarah	: <b>Norjoharuddeen Mohd Nor</b> BSc(Queensland), MEd (Houston), SPLI(MPTI)
Pensyarah Kanan Pelawat	: <b>Hutkemri</b> S.Pd (Maths Ed.), M.Ed(UKM), PhD(UKM)

## JABATAN PSIKOLOGI PENDIDIKAN DAN KAUNSELING

- Ketua Profesor : **Loh Sau Cheong (S.A.P)**  
CertEd, BEdHons(UKM), MSc, PhD(UPM)
- Profesor : **Jas Laili Suzana Jaafar**  
BAHons, DipEd (UKM), MSc(Belfast), PhD (Lancaster)
- Profesor Madya : **Mariani Md. Nor (Datin)**  
BScEd(Mal), MPhil, PhD(Bristol)
- Zahari Ishak**  
CertEd, BEdHons, MSc(UPM), PhD(Mal)
- Diana Lea-Baranovich**  
B.ME(Loyola),M.ED(Loyola),MTP(Institute of Transpersonal Psychology),EdD(California Coast),PsyD(California Southern University)
- Pensyarah Kanan : **Fonny Dameaty Hutagalung**  
BPsc(UMA),MA(UKM),PhD(UKM)
- Lau Poh Li**  
BCouns, PhD(Mal)
- : **Melati Sumari**  
BIsEdHons, MEd(Mal), PhD(W Michigan)
- : **Rafidah Aga Mohd Jaladin**  
CertEd(S.Australia),BScHons(UWA),MCouns(Mal),PhD(Monash)
- : **Shahrir Jamaluddin**  
DipSc(UiTM), BA, MScEd, PhD(SIU)
- : **Madhyazhagan a/l Ganesan**  
B.Sp.Ed, M.Sp.Ed, PhD(UKM)
- : **Hamidah Sulaiman**  
BEd(UPM), MA(UKM), PhD(Mal)
- : **Ida Hartina Ahmed Tharbe**  
BScHons(Kent), MA(UPM), PhD(UKM)
- : **Noor Aishah Rosli**  
BHSc (Hons)(IIUM), MSc(UUM), PhD(Marquette)
- : **Mohd Nazri Abdul Rahman**  
B.Economics(Hons),M.Education(Mal),PhD(Mal)
- : **Azmawaty Mohamad Nor**  
BABusiness(Property)(Melbourne),MCouns(Mal),PhD(Mal)

- : **Norfaezah Md. Khalid**  
BCouns(Mal),PhD(Mal)
- : **Norsafaratul Aznin A.Razak**  
BCouns(Mal),PhD(Mal)
- : **Ahmad Shamsuri Muhamad**  
BCouns(Mal),MCouns(Mal),PhD(Mal)
- : **Harris Shah Abd Hamid**  
BAHons(Guelph), MSc(UCL), PhD(Loughborough)

## JABATAN KURIKULUM DAN TEKNOLOGI PENGAJARAN

- Ketua : **Rafiza Abdul Razak**  
BEdTESL(Hons)(UKM), MEd(Mal), PhD(UIA)
- Profesor Madya : **Norlidah Alias**  
BEng(Monash), MEd(Mal), PhD(Mal)
- Pensyarah Kanan : **Chin Hai Leng**  
DipEd(UKM), BAHons(UKM), MMgmt(UM), PhD(UM)
- : **Dorothy Dewitt**  
BScEd(Mal), Med(Mal), PhD(Mal)
- : **Farrah Dina Yusop**  
B.Mgt.Edu(Info Tech)(Hons)(UUM), MIT(UM)(Mal),  
PhD(Iowa State)
- : **Mohd Shahril Nizam Shaharom**  
BScComp(UTM), Med(UTM), PhD(UM)
- : **Siti Hajar Halili**  
BScHons(UiTM), MAEduTech(USM), PhD(USM)
- : **Tee Meng Yew**  
BSc(Kansas), BA(Kansas), MBA(Kansas), PhD(Kansas)
- : **Umi Kalsum Mohd Salleh**  
BAHons(USM), DipEd(USM), MEd(UKM),  
PhD(Adelaide)
- : **Norhashimi Saad**  
BIsEdHons(Mal), MAED(Warwick)

## INSTITUT KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Ketua  
Profesor

: **Chua Yan Piaw**  
CertArt(MIA), BSC(Hons), DipEd, MSc(UPM),  
PhD(UPM)

Pensyarah Kanan

: **Kenny Cheah Soon Lee**  
BSc(Hons), MEM(Hons), PhD(Mal)

: **Bambang Sumintono**  
DipEd, Bed(UT), Med(Flinders),PhD(Victoria)

: **Siaw Yan Li**  
BSc(UPM), MSc(UPM), PhD(UPM)

: **Donnie Adams Paramasivam**  
BEd(Hons), PhD(Mal)

## KAKITANGAN SOKONGAN (BUKAN AKADEMIK)

<b>Pejabat Dekan</b>	Rosilawati Wahab Muhammat Yufpri Mat Inun Mohd Rafi Bakri
<b>Pejabat Timbalan Dekan</b>	Fatimah Abu Talib Nur Fathin Liyana Zulkifli Nuur Hakimah Mohd Din
<b>Jabatan</b>	Asfaruzaila Abu Samah Mohd Salehudin Md. Zin Norhafizah Mat Rahim Noorhaida Mohamad Sunita Abdul Aziz Zubaidah Omar Shahida Mahamud Khairul Amilin Mohamed
<b>Pejabat Am</b>	Mariamah Muhammad Rohaizal Akmal Arifin Juriza Mahidin Yusri Mohammad Yusuf
	<u>Ijazah Tinggi</u> Azri Fazli Mohd Omar Hafiz Jamaludin Siti Farah Quraisyah Mohd Yusof Siti Nurnaznum Zulkafri Roshela Hasnan Nordiana Karim Logeswari Nenessenderam
	<u>Ijazah Dasar</u> Norfazlin Aida Radzuan Fazlina Zakaria Norkusharina Nasir @ Nasarudin
<b>Bilik Dokumen &amp; Rekod</b>	Nuraini Mohd Tajuddin
<b>Kemudahan</b>	<u>Blok A &amp; Auditorium</u> Azrul Yusuf
	<u>Blok B &amp; Blok C</u> Yusuf Hamzah *Mohd Fadhil Abd Razak
	<u>Blok E &amp; Menara Pendidikan</u> Mohd Hasri Che Ros Saiful Taqiyuddin Iskak

Makmal Sains Serbaguna

Azlan Aziz

Habibah Az-Zahra Abd Rahim

Blok D, Blok Pentadbiran dan Pusat Pencetus Bakat &  
Latihan Industri (CITra)

Anis Amija Amiruldin

Omar Shaari

*\*Dipinjamkan dari Pusat Teknologi Maklumat (PTM)*



# STRUKTUR PROGRAM

DOKTOR FALSAFAH  
PROGRAM SARJANA

---

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya

<b>Nama Program</b>	<b>: Doktor Falsafah</b>
<b>Kod Program</b>	<b>: PVA</b>
<b>Mod Program</b>	<b>: Penyelidikan</b>

## **1. Jenis Program**

Program ini adalah secara Penyelidikan sepenuhnya dimana di akhir program membawa kepada penghasilan tesis.

## **2. Struktur Program**

Setelah didaftarkan, calon akan mengikuti kursus pengajian tinggi yang diluluskan (mungkin termasuk kerja kursus yang ditetapkan) dan penyelidikan di bawah arahan dan penyeliaan penyelia (atau penyelia-penyelia) bagi tempoh tidak kurang dari empat semester bagi calon penuh masa dan tidak kurang dari enam semester bagi calon sambilan.

Tertakluk kepada persetujuan Senat, seseorang calon mungkin dibenarkan mengikuti kursus pengajian dan penyelidikannya di universiti atau di institusi pendidikan/ penyelidikan lain. Sekiranya tempat penyelidikan yang diluluskan itu terletak di luar dari Malaysia, calon itu dikehendaki memenuhi syarat bermastautin selama dua belas bulan di Universiti Malaya.

## **3. Syarat Kemasukan**

Kelayakan masuk untuk mengikuti program ini adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Sarjana secara Penyelidikan; ATAU
- ii Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan PNGK tidak kurang daripada 3.7; ATAU
- iii Ijazah Sarjana secara Mod Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan PNGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0; ATAU
- iv Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus atau Mod Campuran dengan NGK 2.0 hingga 3.69 dan kelayakan Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.5 hingga 2.99 serta memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria berikut:
  - a. Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan; atau
  - b. Menghasilkan penerbitan dalam bidang yang berkaitan; atau
  - c. Adalah penerima biasiswa; atau
  - d. Merupakan graduan Universiti Malaya; atau
  - e. Merupakan kakitangan Agensi Kerajaan
- v. Sebagai tambahan, calon haruslah mengemukakan satu prospektus sepanjang 1,000 hingga 1,500 patah perkataan yang menghuraikan penyelidikan dalam bidang pengkhususan yang dicadangkan

## Syarat Bahasa Inggeris untuk Calon Antarabangsa

### a. Calon yang Menulis Tesis dalam Bahasa Inggeris

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*) PBT, skor 213 (*Computer based*) CBT atau skor 80 (*Internet based*) IBT bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*. Atau

Bahasa pengantar di Universiti terdahulu di dalam bahasa Inggeris dan disahkan oleh Universiti.

### b. Calon yang Menulis Tesis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Arab.

Memperolehi skor minimum band 5.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 500 bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

## Syarat Bahasa Malaysia untuk Calon Antarabangsa

Bagi calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dan lulus kursus Bahasa Malaysia yang dikehendaki oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya.

## 4. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum	:	4 Semester
Tempoh Maksimum	:	12 Semester

## 5. Bidang Penyelidikan

Fakulti Pendidikan menawarkan pelbagai bidang penyelidikan untuk Program Doktor Falsafah secara penyelidikan. Antara bidang penyelidikan tersebut termasuk:

- Pendidikan Seni
- Pendidikan Nilai
- Pendidikan Islam
- Sosiologi Pendidikan
- Pendidikan Sains Sosial
- Perkembangan Kurikulum
- Teknologi Pengajaran
- Kurikulum dan Pengajaran
- Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
- Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua
- Pendidikan Bahasa Malaysia
- Pendidikan Bahasa
- Pendidikan Matematik
- Pendidikan Sains
- Pendidikan Jasmani
- Perancangan dan Pentadbiran Pendidikan

- Pengurusan Pendidikan
- Polisi dan Pengurusan Pendidikan
- Psikologi Pendidikan
- Pendidikan Khas
- Pengukuran dan Penilaian
- Kaunseling
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Kepimpinan Sekolah dan Pendidikan
- Pengajaran Kepimpinan
- Kepimpinan Organisasi
- Keberkesanan dan Penambahbaikan Sekolah
- Kepimpinan Pendidikan dan Undang-Undang
- Kepimpinan Pendidikan

## **PANDUAN BAGI CALON IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

### **1. Pemohonan Sebagai Calon Doktor Falsafah**

- (1) Setiap calon dikehendaki mengemukakan kenyataan lengkap mengenai kelayakan dan pengalaman yang berkaitan. Sebagai tambahan, calon harus mengemukakan Prospektus menghuraikan penyelidikan yang dicadangkan. Huraian sepanjang 1,000 - 1,500 perkataan harus dilengkapi dengan
  - (a) Latar belakang masalah yang akan diselidik, termasuk sorotan rujukan yang berkenaan
  - (b) Pernyataan masalah yang akan diselidik
  - (c) Tujuan, kepentingan dan batasan kajian
- (2) Calon perlu menunjukkan pengetahuan yang cukup dengan mengemukakan kerangka teori (*theoretical framework*) bagi penyelidikan yang dirancangkan itu.
- (3) Biasanya calon dikehendaki menunjukkan bukti keupayaan penyelidikannya dalam bidang yang dipilih. Laporan daripada dua orang penyokong atau penilai yang dapat memastikan pengalaman ini adalah diperlukan bagi mengesahkan pengalaman calon. Calon mungkin juga dikehendaki menghadiri satu temuduga.
- (4) Pemohon adalah dinasihatkan supaya mendapat nasihat dari kakitangan pendidikan sebelum mengemukakan prospektus mereka.
- (5) Permohonan mestilah dibuat secara atas talian melalui laman web Institut Pengajian Siswazah (<https://pgadmission.um.edu.my>). Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh fakulti.

### **2. Kehadiran**

- (1) Calon diwajibkan menghadiri semua kursus dengan mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti penyelidikan berkaitan dengan program pengajian yang diikuti.
- (2) Calon tidak menghadiri mana-mana kursus dikehendaki memaklumkan alasan ketidakhadirannya kepada pensyarah dengan segera dengan menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan. Pensyarah hendaklah memaklumkan calon akibat

ketidakhadiran dan bertanggungjawab menyimpan rekod pemakluman dan kehadiran kelas.

- (3) Calon boleh dengan kelulusan Fakulti menjalankan sebahagian program pengajiannya di institusi lain.
- (4) Calon yang mengikuti program secara Penyelidikan hendaklah bermastautin di Malaysia untuk tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan, calon yang mengikuti program secara Penyelidikan, dengan kelulusan Fakulti boleh dianggap telah memenuhi syarat bermastautin sekiranya telah menjalankan perkara berikut:
  - i. Mengikuti dan lulus kursus Metodologi Penyelidikan;
  - ii. Membentangkan dalam *Proposal Defence*;
  - iii. Membentang dalam *Candidature Defence*;
  - iv. Membentang dalam Seminar Tesis sebelum penyerahan tesis untuk peperiksan;
  - v. Konsultasi bersemuka dengan penyelia seperti mana yang ditetapkan oleh Fakulti; dan
  - vi. Penyertaan dalam aktiviti Fakulti seperti mana yang ditetapkan oleh Fakulti

### **3. Laporan Kemajuan**

Calon dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya pada akhir semester kepada penyeliannya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penyelia, Penyelia Bersama atau Perunding yang dilantik hendaklah menilai laporan kemajuan penyelidikan calon mengikut prosedur yang ditetapkan.

Calon yang kemajuannya memuaskan akan diperakukan untuk pencalonan diteruskan. Calon yang kemajuannya tidak memuaskan untuk tiga (3) semester berturut-turut akan ditamatkan pencalonannya oleh Fakulti. Dekan Institut Pengajian Siswazah akan dimaklumkan mengenai penamatan pencalonan calon untuk diambil tindakan.

Calon yang gagal mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya dalam tempoh yang ditetapkan akan dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya.

### **4. Penamatan Pencalonan**

Penamatan pencalonan seseorang calon ijazah tinggi boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:

a.	Penarikan Diri	Atas permohonan secara bertulis oleh calon untuk menarik diri.
b.	Luput	Pencalonan dianggap luput apabila calon gagal mendaftarkan diri atau membaharui pencalonannya pada permulaan tiap-tiap sesi akademik.
c.	Penamatan	Pencalonan akan tamat jika calon gagal menyempurnakan pengajiannya dalam tempoh maksimum yang ditetapkan.
d.	Laporan Kemajuan	Laporan kemajuan yang tidak memuaskan untuk tiga (3) semester berturut-turut.

e.	Gagal <i>Candidature Defence</i>	Memperolehi keputusan gagal dalam sesi <i>Candidature Defence</i> dua (2) kali berturut-turut.
f.	Gagal <i>viva voce</i>	Gagal dalam peperiksaan tesis dan <i>viva voce</i>

Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjaskankan imej Universiti.

## 5. Garis Panduan Menyediakan Cadangan Penyelidikan

Seseorang calon Doktor Falsafah dikehendaki menyerahkan secara rasmi cadangan penyelidikannya untuk kelulusan Jawatankuasa Pengajian Ijazah Tinggi selewat-lewatnya enam semester selepas tarikh pendaftaran permohonan.

Empat salinan cadangan yang ditaip dengan menggunakan dua jarak atas kertas yang bersaiz A4, harus diserahkan kepada Penolong Pendaftar, Fakulti Pendidikan. Satu Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan yang dianggotai oleh Dekan sebagai pengurus, penyelia (atau penyelia-penyelia) dan penyemak yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Ijazah Tinggi, akan menyemak cadangan penyelidikan dan menemuduga calon berkenaan.

Calon juga dikehendaki mempertahankan cadangannya semasa ditemuduga oleh Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan.

Cadangan ini biasanya mengandungi aspek-aspek di bawah:

- (a) Penghuraian mengenai masalah penyelidikan, termasuk hipotesis atau pembentukan soalan-soalan penyelidikan yang tepat.
- (b) Penerangan jelas mengenai tujuan, kepentingan dan batasan penyelidikan dari segi konteks, teori dan amalannya.
- (c) Tinjauan bahan yang berkenaan berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan termasuk penjelasan mengenai tanggapan yang dibuat untuk kajian serta perkaitan kajian dengan sorotan kajian penyelidikan yang telah diikuti.
- (d) Ringkasan mengenai rekabentuk kajian termasuk keterangan dan penjelasan metodologi atau prosedur yang digunakan.
- (e) Penjelasan yang memuaskan mengenai penyelidikan dan analisisan data yang akan digunakan.
- (f) Lampiran-lampiran, termasuk soalselidik atau alat-alat penyelidikan dan maklumat yang berkenaan jika ada.
- (g) Bibliografi.

## **6. Penyerahan Tesis**

### **(a) Syarat-syarat khas**

- (i) Empat (4) tesis berkulit nipis dan dua (2) tesis berkulit tebal diserahkan untuk pemeriksaan. Tesis hendaklah ditaip dua spasi ataupun dicetak di atas kertas bersaiz A4, kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruang berukuran 4 sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri. Tajuk atau ringkasan tajuknya serta nama pengarang hendaklah dicetak dalam huruf besar di tulang belakang tesis. Abstrak atau sinopsis yang tidak melebihi 250 perkataan hendaklah dijadikan prakata kepada tesis.
- (ii) Tesis yang telah diperiksa itu dan mengandungi mana-mana pembetulan jika ada, hendaklah dijilid dalam kulit tebal berjenis reksin berwarna merah tua (*dark red rexine*). Tiga naskhah tesis tersebut hendaklah diserahkan kepada Universiti
- (iii) Sebuah tesis Doktor Falsafah tidak boleh melebihi 100,000 perkataan (tidak termasuk notakaki, lampiran, jadual dan rajah) kecuali dalam kes di mana kebenaran khas telah diberi oleh Universiti untuk melebihi had ini. Sebagai tambahan, sebuah abstrak yang tidak melebihi 500 perkataan perlu dikemukakan secara berasingan oleh calon Doktor Falsafah.

### **(b) Format manuskrip**

Pada kebiasaannya, tiap-tiap manuskrip mengandungi tiga bahagian utama; permulaan, teks dan tambahan termasuk rujukan atau bibliografi. Susunan tiap-tiap bahagian ini harus ditentukan oleh calon atas nasihat penyelianya. Butir lanjut mengenai format dan isi kandungan tiap-tiap bahagian boleh didapati dalam nota panduan "Rancangan Ijazah Tinggi dalam Pendidikan: Maklumat dan Garipanduan untuk Pelajar", yang disediakan oleh Fakulti Pendidikan.

Nama Program	: Doktor Falsafah
Kod Program	: PWA
Mod Program	: Kerja Kursus & Penyelidikan

## 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis.

## 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program ini adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana yang diiktiraf; Sekiranya Sarjana Mod Campuran atau Kerja Kursus CGPA perlu sekurang-kurangnya 3.0; dan
- ii Ijazah Sarjana Muda dengan CGPA 3.0 yang diiktiraf; dan
- iii Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.; atau  
Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakuan oleh Senat Universiti Malaya.
- iv Bukti latihan dan kebolehan yang mencukupi untuk menjalani pengajian dan penyelidikan yang dicadangkan; dan
- v Sebagai tambahan, calon haruslah mengemukakan satu prospektus sepanjang 1,000 hingga 1,500 patah perkataan yang menghuraikan penyelidikan dalam bidang pengkhususan yang dicadangkan

Syarat Bahasa Inggeris untuk Calon Antarabangsa

- a. Calon yang Menulis Tesis dalam Bahasa Inggeris

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)* atau

Bahasa pengantar di Universiti terdahulu di dalam bahasa Inggeris dan disahkan oleh Universiti.

- b. Calon yang Menulis Tesis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Arab

Memperolehi skor minimum band 5.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 500 bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### **Syarat Bahasa Malaysia untuk Calon Antarabangsa**

Bagi calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia yang dikehendaki oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya.

### **3. Tempoh Pengajian**

Tempoh Minimum	:	5 Semester
Tempoh Maksimum	:	12 Semester

### **4. Matlamat Program**

Untuk melahirkan graduan kedoktoran dalam bidang pendidikan yang berkeupayaan dari segi intelektual dan profesional yang boleh berfungsi secara efektif dalam usaha mempertingkatkan mutu akademik atau kerjaya profesional mereka dalam bidang kepakaran mereka kepada komuniti intelektual dan masyarakat tempatan dan sejagat secara luas dan kukuh, mengikut bidang pengkhususan (i) Kurikulum dan Pengajaran, (ii) Pengurusan dan dasar Pendidikan dan (iii) Kaunseling.

### **5. Senarai Kursus**

Doktor Falsafah secara Kursus dan Penyelidikan menawarkan bidang-bidang berikut:

- Kurikulum dan Pengajaran
- Pengurusan dan Dasar Pendidikan
- Kaunseling

### **6. Struktur Program**

Struktur Program Doktor Falsafah berasaskan pendekatan bersifat kontemporari untuk melahirkan para pendidik dan penyelidik pendidikan yang cemerlang. Kandungan kurikulum direkabentuk bersandarkan perkembangan ilmu pendidikan daripada perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program Ijazah Doktor Falsafah secara Kursus dan Penyelidikan yang berjumlah Lapan Puluh (80) jam kredit terdiri daripada dua bahagian berikut:

- (a) Bahagian 1 yang melibatkan kursus berjumlah Dua Puluh Empat (24) jam kredit yang terdiri daripada:
  - (i) Tiga Kursus Teras Wajib Fakulti yang setiap satunya berjumlah Sembilan (9) jam kredit;
  - (ii) Lima Kursus Elektif Bidang Pengkhususan yang setiap satunya berjumlah Lima Belas (15) jam kredit; dan
- (b) Bahagian 2 yang melibatkan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan tesis berjumlah 56 jam kredit.

Calon perlu menyempurnakan Bahagian 1 sebelum dibenar meneruskan pengajian ke Bahagian 2.

### **Kursus Teras Wajib Fakulti**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
PWX 8001	Kaedah dan Falsafah Penyelidikan Dalam Pendidikan	3
PWX 8003	Seminar Kedoktoran 1	3
PWX 8004	Seminar Kedoktoran 2	3
PWX 8002	Tesis	56

### **Kursus Elektif bidang Pengkhususan (Pilih Lima)**

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
<b>BIDANG KURIKULUM DAN PENGAJARAN</b>		
PWA 8006	Teori Dan Amalan Dalam Kurikulum	3
PWA 8007	Pelaksanaan Dan Penilaian Kurikulum	3
PWA 8008	Rekabentuk Dan Pembangunan Sistem Instruksional	3
PWA 8001	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan	3
PWA 8002	Statistik Lanjutan Dalam Penyelidikan Pendidikan	3
PWA 8009	Teori Dan Penyelidikan Dalam Pembelajaran Dan Teknologi	3
PWA 8010	Penilaian Pembelajaran	3
PWA 8003	Analisis Data Multi Variat	3
PWA 8004	Analisis Struktur Latent	3
PWA 8005	Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan	3

<b>Kod Kursus</b>	<b>Tajuk Kursus</b>	<b>Jam Kredit</b>
<b>BIDANG PENGURUSAN DAN DASAR PENDIDIKAN</b>		
PWA 8011	Seminar Doktoral dalam Amalan Profesional dalam Pengurusan Pendidikan	3
PWA 8012	Fasafah Pengurusan Dan Organisasi	3
PWA 8013	Perancangan Dan Dasar Pendidikan	3
PWA 8014	Inovasi Dan Reformasi Dalam Pendidikan	3
PWA 8015	Pembangunan Organisasi Pendidikan	3
PWA 8016	Governan Dan Pengurusan Pendidikan Tinggi	3
PWA 8001	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan	3
PWA 8002	Statistik Lanjutan Dalam Penyelidikan Pendidikan	3
PWA 8017	Analisis Komparatif Kewangan Sekolah	3
PWA 8018	Analisis Komparatif Undang-Undang Pendidikan	3
PWA 8019	Politik Ekonomi Dalam Pendidikan	3

PWA 8020	Resolusi Konflik Dalam Pengurusan Pendidikan	3
PWA 8021	Etika Dalam Pengurusan Pendidikan	3
PWA 8003	Analisis Data Multi Variat	3
PWA 8004	Analisis Struktur Latent	3
PWA 8005	Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan	3

Kod Kursus	Tajuk Kursus	Jam Kredit
<b>BIDANG KAUNSELING</b>		
PWA 8022	Penilaian Psikologi Diagnosis	3
PWA 8023	Terapi Perkahwinan Dan Keluarga	3
PWA 8024	Teori Dan Amalan Kaunseling Lanjutan	3
PWA 8001	Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan	3
PWA 8002	Statistik Lanjutan Dalam Penyelidikan Pendidikan	3
PWA 8025	Perundingan Psikopendidikan	3
PWA 8026	Penyeliaan Dalam Kaunseling dan Psikoterapi	3
PWA 8003	Analisis Data Multi Variat	3
PWA 8004	Analisis Struktur Latent	3
PWA 8005	Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan	3

## 7. Keperluan Program

Calon perlu memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan bagi program pengajian secara Kursus dan Penyelidikan:

- i. Memenuhi keperluan komponen kursus, iaitu;
  - a. mencapai PNGK terakhir 3.0 dan ke atas;
  - b. menyempurnakan bilangan jam kredit seperti mana yang ditetapkan untuk program pengajiannya.
  - c. Daripada jumlah jam kredit yang diperlukan untuk pengijazahan, sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah jam kredit yang diperolehi hendaklah daripada kursus yang dijalankan oleh Universiti; dan
  - d. memenuhi keperluan Fakulti di mana ia mendaftar program pengajiannya, jika ada; dan
- ii. Memenuhi keperluan komponen penyelidikan, iaitu;
  - a. Mencapai tahap Lulus dalam peperiksaan tesisnya
  - b. Lulus peperiksaan viva yang ditetapkan; dan
  - c. Memenuhi keperluan lain yang ditetapkan oleh Fakulti di mana ia mendaftar program pengajiannya, jika ada; dan
  - d. Memenuhi keperluan bahasa seperitimana yang ditetapkan untuk program pengajiannya.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan
Kod Program	: PMD
Mod Program	: Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program ini adalah secara Penyelidikan sepenuhnya dimana di akhir program membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK tidak kurang daripada 3.0; atau
- ii Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK 2.7 hingga 2.99 boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi sekurang-kurangnya satu kriteria berikut:
  - a. Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan; atau
  - b. Menghasilkan penerbitan dalam bidang yang berkaitan; atau
  - c. Adalah penerima biasiswa; atau
  - d. Merupakan graduan Universiti Malaya; atau
  - e. Merupakan kakitangan Agenzi Kerajaan
- iii. Pemohon dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda PNGK 2.5 hingga 2.69 boleh dipertimbangkan sekiranya memenuhi sekurang-kurangnya **dua** daripada kriteria dalam (i)(a) hingga (e) di atas.

### Pelajar Antarabangsa

Syarat Bahasa Inggeris untuk Calon Antarabangsa

- a. Calon yang Menulis Disertasi dalam Bahasa Inggeris

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

- b. Calon yang Menulis Disertasi dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Arab

Memperolehi skor minimum band 5.0 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)* atau Memperolehi skor minimum sebanyak 500 bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

## Syarat Bahasa Malaysia untuk Calon Antarabangsa

Bagi calon bukan warganegara dikehendaki menghadiri dengan memuaskan suatu kursus Bahasa Malaysia yang dikehendaki oleh Universiti sebelum dianugerahkan ijazahnya.

### 3. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum : 3 Semester  
Tempoh Maksimum : 8 Semester

### 4. Matlamat Program

Untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai literasi tinggi dan mendalam tentang proses dan amalan penyelidikan dan dapat menangani serta mengaplikasikan pengetahuan penyelidikan dalam bidang pendidikan.

### 5. Hasil Pembelajaran Program

Di akhir program, pelajar dapat;

Domain MQF	Hasil Pembelajaran
PO1	Menguasai pengetahuan yang terkini dalam proses dan amalan penyelidikan pendidikan
PO2	Mengaplikasikan kemahiran praktikal penyelidikan berkaitan pendidikan dalam tugas harian sebagai pengupaya
PO3	Mempamerkan kemahiran sosial, unsur keprihatinan dan tanggungjawab dalam tugas sebagai seorang penyelidik dalam bidang pendidikan
PO4	Mengamalkan adab, nilai, etika, sikap dan profesionalisme dalam proses dan amalan penyelidikan bidang pendidikan
PO5	Mengukuhkan jalinan kerjasama bekerja dalam pasukan dengan pelbagai pihak dan menunjukkan kepimpinan dan kreativiti bagi menjayakan aktiviti penyelidikan dalam bidang pendidikan
PO6	Mensintesis kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dalam proses dan amalan penyelidikan berkaitan bidang pendidikan
PO7	Menggunakan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan yang diperoleh dalam pembelajaran sepanjang hayat dan mengurus maklumat berkaitan penyelidikan berkaitan bidang pendidikan

### 5. Bidang Penyelidikan

Fakulti Pendidikan menawarkan pelbagai bidang penyelidikan untuk Program Sarjana Pendidikan secara penyelidikan. Antara bidang penyelidikan tersebut termasuk:

- Pendidikan Seni
- Pendidikan Nilai
- Pendidikan Islam
- Sosiologi Pendidikan
- Pendidikan Sains Sosial

- Perkembangan Kurikulum
- Teknologi Pengajaran
- Kurikulum dan Pengajaran
- Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
- Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua
- Pendidikan Bahasa Malaysia
- Pendidikan Bahasa
- Pendidikan Matematik
- Pendidikan Sains
- Pendidikan Jasmani
- Perancangan dan Pentadbiran Pendidikan
- Pengurusan Pendidikan
- Polisi dan Pengurusan Pendidikan
- Psikologi Pendidikan
- Pendidikan Khas
- Pengukuran dan Penilaian
- Kaunseling
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak

## **PANDUAN BAGI CALON IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

### **1. Permohonan Sebagai Calon Sarjana Pendidikan**

- (1) Setiap calon dikehendaki mengemukakan kenyataan lengkap mengenai kelayakan dan pengalaman yang berkaitan. Sebagai tambahan, calon harus mengemukakan Prospektus menghuraikan penyelidikan yang dicadangkan. Huraian sepanjang 1,000 - 1,500 perkataan harus dilengkapi dengan:
  - (b) Latar belakang masalah yang akan diselidik, termasuk sorotan rujukan yang berkenaan
  - (b) Pernyataan masalah yang akan diselidik
  - (c) Tujuan, kepentingan dan batasan kajian
- (2) Calon perlu menunjukkan pengetahuan yang cukup dengan mengemukakan kerangka teori (*theoretical framework*) bagi penyelidikan yang dirancangkan itu.
- (3) Biasanya calon dikehendaki menunjukkan bukti keupayaan penyelidikannya dalam bidang yang dipilih. Laporan daripada dua orang penyokong atau penilai yang dapat memastikan pengalaman ini adalah diperlukan bagi mengesahkan pengalaman calon.
- (4) Permohonan mestilah dibuat secara atas talian melalui laman web Institut Pengajian Siswazah (<https://pgadmission.um.edu.my>). Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh fakulti.

### **2. Kehadiran**

- (1) Calon diwajibkan menghadiri semua kursus dengan mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti penyelidikan berkaitan dengan program pengajian yang diikuti.

- (2) Calon tidak menghadiri mana-mana kursus dikehendaki memaklumkan alasan ketidakhadirannya kepada pensyarah dengan segera dengan menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan. Pensyarah hendaklah memaklumkan calon akibat ketidakhadiran dan bertanggungjawab menyimpan rekod pemakluman dan kehadiran kelas.
- (3) Calon boleh dengan kelulusan Fakulti menjalankan sebahagian program pengajiannya di institusi lain.
- (4) Calon yang mengikuti program secara Penyelidikan hendaklah bermastautin di Malaysia untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan, calon yang mengikuti program secara Penyelidikan, dengan kelulusan Fakulti boleh dianggap telah memenuhi syarat bermastautin sekiranya telah menjalankan perkara berikut:
  - i. Mengikuti dan lulus kursus Metodologi Penyelidikan;
  - ii. Membentangkan dalam *Proposal Defence*;
  - iii. Membentang dalam *Candidature Defence*;
  - iv. Membentang dalam Seminar Tesis sebelum penyerahan tesis untuk peperiksan;
  - v. Konsultasi bersemuka dengan penyelia seperti mana yang ditetapkan oleh Fakulti; dan
  - vi. Penyertaan dalam aktiviti Fakulti seperti mana yang ditetapkan oleh Fakulti

### **3. Laporan Kemajuan**

Calon dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya pada akhir semester kepada penyeliannya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Penyelia, Penyelia Bersama atau Perunding yang dilantik hendaklah menilai laporan kemajuan penyelidikan calon mengikut prosedur yang ditetapkan.

Calon yang kemajuannya memuaskan akan diperakurkan untuk pencalonan diteruskan. Calon yang kemajuannya tidak memuaskan untuk tiga (3) semester berturut-turut akan ditamatkan pencalonannya oleh Fakulti. Dekan Institut Pengajian Siswazah akan dimaklumkan mengenai penamatan pencalonan calon untuk diambil tindakan.

Calon yang gagal mengemukakan laporan kemajuan penyelidikannya dalam tempoh yang ditetapkan akan dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya.

### **4. Penamatan Pencalonan**

Penamatan pencalonan seseorang calon ijazah tinggi boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:

a.	Penarikan Diri	Atas permohonan secara bertulis oleh calon untuk menarik diri.
b.	Luput	Pencalonan dianggap luput apabila calon gagal mendaftarkan diri atau membaharui pencalonannya pada permulaan tiap-tiap sesi akademik.
c.	Penamatan	Pencalonan akan tamat jika calon gagal menyempurnakan pengajiannya dalam tempoh maksimum yang ditetapkan.

d.	Laporan Kemajuan	Laporan kemajuan yang tidak memuaskan untuk tiga (3) semester berturut-turut.
e.	Gagal <i>Candidature Defence</i>	Memperolehi keputusan gagal dalam sesi <i>Candidature Defence</i> dua (2) kali berturut-turut.
f.	Gagal <i>viva voce</i>	Gagal dalam peperiksaan disertasi dan <i>viva voce</i>

Senat berhak menamatkan pencalonan seseorang calon yang didapati telah memberikan maklumat palsu berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti atau melakukan perbuatan ketidakjujuran akademik selain daripada yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang pada pandangan Senat tidak wajar dan menjaskankan imej Universiti.

## 5. Garis Panduan Menyediakan Cadangan Penyelidikan

Seseorang calon Doktor Falsafah dikehendaki menyerahkan secara rasmi cadangan penyelidikannya untuk kelulusan Jawatankuasa Pengajian Ijazah Tinggi selewat-lewatnya enam semester selepas tarikh pendaftaran permohonan.

Empat salinan cadangan yang ditaip dengan menggunakan dua jarak atas kertas yang bersaiz A4, harus diserahkan kepada Penolong Pendaftar, Fakulti Pendidikan. Satu Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan yang dianggotai oleh Dekan sebagai pengurus, penyelia (atau penyelia-penyelia) dan penyemak yang dilantik oleh Jawatankuasa Pengajian Ijazah Tinggi, akan menyemak cadangan penyelidikan dan menemuduga calon berkenaan.

Calon juga dikehendaki mempertahankan cadangannya semasa ditemuduga oleh Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan.

Cadangan ini biasanya mengandungi aspek-aspek di bawah:

- (a) Penghuraian mengenai masalah penyelidikan, termasuk hipotesis atau pembentukan soalan-soalan penyelidikan yang tepat.
- (b) Penerangan jelas mengenai tujuan, kepentingan dan batasan penyelidikan dari segi konteks, teori dan amalannya.
- (c) Tinjauan bahan yang berkenaan berkaitan dengan penyelidikan yang akan dijalankan termasuk penjelasan mengenai tanggapan yang dibuat untuk kajian serta perkaitan kajian dengan sorotan kajian penyelidikan yang telah diikuti.
- (d) Ringkasan mengenai rekabentuk kajian termasuk keterangan dan penjelasan metodologi atau prosedur yang digunakan.
- (e) Penjelasan yang memuaskan mengenai penyelidikan dan analisisan data yang akan digunakan.
- (f) Lampiran-lampiran, termasuk soalselidik atau alat-alat penyelidikan dan maklumat yang berkenaan jika ada.
- (g) Bibliografi.

## **6. Penyerahan Tesis**

### **(a) Syarat-syarat khas**

- (i) Empat (3) tesis berkulit nipis. Tesis hendaklah ditaip dua spasi ataupun dicetak di atas kertas bersaiz A4, kecuali untuk lukisan atau peta yang tidak mempunyai had saiz kertas. Ruang berukuran 4 sentimeter hendaklah disediakan di sebelah kiri. Tajuk atau ringkasan tajuknya serta nama pengarang hendaklah dicetak dalam huruf besar di tulang belakang tesis. Abstrak atau sinopsis yang tidak melebihi 250 perkataan hendaklah dijadikan prakata kepada tesis.
- (ii) Tesis yang telah diperiksa itu dan mengandungi mana-mana pembetulan jika ada, hendaklah dijilid dalam kulit tebal berjenis reksin berwarna merah tua (*dark red rexine*). Tiga naskhah tesis tersebut hendaklah diserahkan kepada Universiti
- (iii) Sebuah tesis Doktor Falsafah tidak boleh melebihi 100,000 perkataan (tidak termasuk notakaki, lampiran, jadual dan rajah) kecuali dalam kes di mana kebenaran khas telah diberi oleh Universiti untuk melebihi had ini. Sebagai tambahan, sebuah abstrak yang tidak melebihi 500 perkataan perlu dikemukakan secara berasingan oleh calon Doktor Falsafah.

### **(b) Format manuskrip**

Pada kebiasaananya, tiap-tiap manuskrip mengandungi tiga bahagian utama; permulaan, teks dan tambahan termasuk rujukan atau bibliografi. Susunan tiap-tiap bahagian ini harus ditentukan oleh calon atas nasihat penyelianya. Butir lanjut mengenai format dan isi kandungan tiap-tiap bahagian boleh didapati dalam nota panduan "Rancangan Ijazah Tinggi dalam Pendidikan: Maklumat dan Garis panduan untuk Pelajar", yang disediakan oleh Fakulti Pendidikan.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam)
Kod Program	: POH
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.0; pelajar tahun akhir dengan PNGK 3.0 termasuk dalam syarat ini); **ATAU**
- ii ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.0); **DAN**
  - a. Diploma pasca ijazah dalam bidang pendidikan atau pengurusan sekolah/institusi pendidikan/ institusi latihan dan sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman; **ATAU**
  - b. Mempunyai pengalaman yang berkaitan sekurang-kurangnya satu (1) tahun; **ATAU**
  - c. Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa; **ATAU**
  - d. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### **3. Tempoh Pengajian**

Tempoh Minimum : 3 Semester  
Tempoh Maksimum : 8 Semester

### **4. Matlamat Program**

Untuk menghasilkan graduan yang cemerlang dalam bidang Pendidikan Islam dan yang berupaya memantau dan memperbaiki amalan mereka serta boleh mengaplikasi pengetahuan praktikal, teori dan penyelidikan untuk menyelesaikan masalah akhlak dan kehohanian yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Islam bagi mencapai aspirasi nasional dan global.

### **6. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat;

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Menguasai pengetahuan lanjutan dan terkini dalam bidang Pendidikan Islam.
PO2	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan untuk menyelesaikan masalah berkaitan Pendidikan Islam.
PO3	Mempamerkan keprihatinan terhadap isu kontemporari berkaitan Pendidikan Islam.
PO4	Mempraktikkan akhlak dan amalan terbaik secara profesional dalam menguruskan maklumat, menjana pengetahuan serta inovasi dalam bidang Pendidikan Islam.
PO5	Mempamerkan nilai kepimpinan dan kolaborasi dengan pelbagai pihak bagi menyebarkan ilmu Pendidikan Islam secara rasional dan bermakna kepada masyarakat.
PO6	Menganalisis teori, polisi dan aliran kontemporari berkaitan bidang Pendidikan Islam secara kritis dan saintifik.
PO7	Mengurus maklumat ilmiah daripada pelbagai sumber sebagai asas pembelajaran Pendidikan Islam sepanjang hayat.

### **7. Struktur Program**

Struktur Program Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) berdasarkan pendekatan bersifat kontemporari untuk melahirkan pendidik/guru/pengajar yang cemerlang. Kandungan kurikulum direkabentuk bersandarkan perkembangan ilmu pendidikan daripada perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang sejarah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit iaitu merangkumi Sembilan (9) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus elektif bidang dan Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi yang melibatkan aktiviti kuliah, tugas, perbincangan, pembentangan, penyelidikan, lawatan dan pendekatan yang berdasarkan teknologi.

**Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POH 7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Islam	3 kredit
POH 7003	Rekabentuk dan Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam	3 kredit
POH 7002	Teori Pendidikan Akhlak	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Dua)**

POH 7005	Pendidikan Al-Qur'an	3 kredit
POH 7004	Sosiologi Pendidikan Islam	3 kredit
POH 7006	Pendidikan Islam Masa Depan	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)  
SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)**

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT KESELURUHAN
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
<b>Kursus Teras</b>	POH 7001 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Islam	3 3	POH 7002 Teori Pendidikan Akhlak	3			9
<b>Kursus Elektif (Pilih 2)</b>	POH 7003 Rekabentuk dan Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam  POH 7005 Pendidikan al-Qur'an  POH 7004 Sosiologi Pendidikan Islam	3 3 3	POH 7006 Pendidikan Islam Masa Depan  POX 7002 Disertasi (P)	3 15			
Jumlah Kredit		9		21		15	45

**JUMLAH KREDIT KESELURUHAN: 45 jam kredit**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

**1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.

- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

**2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

**3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

**4. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan)
Kod Program	: POI
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.0; **DAN**
  - a. Diploma pasca ijazah dalam bidang pendidikan atau pengurusan sekolah/institusi pendidikan/ institusi latihan dan sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman; **ATAU**
  - b. Mempunyai pengalaman yang berkaitan sekurang-kurangnya satu (1) tahun; **ATAU**
  - c. Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa; **ATAU**
  - d. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### 3. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum	: 3 Semester
Tempoh Maksimum	: 8 Semester

#### **4. Matlamat Program**

Untuk menghasilkan graduan yang cemerlang dalam bidang Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan melalui pengetahuan teori, polisi dan aliran kontemporari, berkemahiran tinggi dalam amalan pengajaran, penilaian, teknologi, dan penyelidikan serta mengaplikasikan etika dan amalan terbaik secara professional dalam bidang pendidikan.

#### **5. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat:

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Menguasai pengetahuan lanjutan dalam bidang Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan.
PO2	Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran penyelidikan untuk menyelesaikan masalah berkaitan Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan dalam konteks semasa dan multidisiplin.
PO3	Mempamerkan keprihatinan terhadap isu kontemporari berkaitan Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan.
PO4	Mempraktikkan etika dan amalan terbaik secara profesional dalam menguruskan maklumat, menjana pengetahuan serta inovasi dalam bidang Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan.
PO5	Mempamerkan nilai kepimpinan dan kolaborasi dengan pelbagai pihak bagi menyebarkan ilmu berkaitan Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan secara rasional dan bermakna kepada masyarakat.
PO6	Menganalisis teori, polisi, dan aliran kontemporari berkaitan bidang Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan secara kritis dan saintifik.
PO7	Mengurus maklumat serta pembelajaran Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan sepanjang hayat.

#### **6. Struktur Program**

Struktur Program Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan) berdasarkan pendekatan bersifat kontemporari untuk melahirkan pendidik/guru/pengajar yang cemerlang. Kandungan kurikulum direkabentuk bersandarkan perkembangan ilmu pendidikan daripada perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit iaitu merangkumi Sembilan (9) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus elektif bidang dan Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi yang melibatkan aktiviti kuliah, tugas, perbincangan, pembentangan, penyelidikan, lawatan dan pendekatan yang berdasarkan teknologi.

##### **Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POX 7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan	3 kredit
POI 7001	Teori Perkembangan Nilai dan Pembangunan Insan	3 kredit
POI 7002	Kurikulum Penilaian Nilai dan Kemanusiaan	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Dua)**

POI 7006	Pendidikan Kewarganegaraan dan Patriotisme	3 kredit
POI 7003	Trend dan Isu dalam Pendidikan dan Pembangunan Insan	3 kredit
POI 7004	Kognisi dalam Pendidikan dan Pembangunan Insan	3 kredit
POI 7005	Devians, Delikuensi dan Masalah Sosial	3 kredit
POI 7007	Penilaian dalam Pendidikan Nilai dan Kemansusiaan	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)  
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN NILAI DAN KEMANUSIAAN)**

KOMPONE N	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
<b>Kursus Teras</b>	POX 7001 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan  POI 7001 Teori Perkembangan Nilai dan Pembangunan Insan	3  3	POI 7002 Kurikulum Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan	3			9
<b>Kursus Elektif (Pilih 2)</b>	POI 7003 Trend dan Isu dalam Pendidikan & Pembangunan Insan  POI 7004 Kognisi dalam Pendidikan dan Pembangunan Insan  POI 7005 Devians, Delikuensi dan Masalah Sosial	3  3  3	POI 7007 Penilaian dalam Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan  POI 7006 Pendidikan Kewarganegaraan dan Patriotisme	3  3			6
<b>Disertasi</b>			POX 7002 Disertasi (P)	15	POX 7002 Disertasi (P)	15	30
<b>Jumlah Kredit</b>		12		18		15	45

**Jumlah Kredit Keseluruhan = 45 jam kredit**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

**1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.

- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

**2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

**3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

**4. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual)
Kod Program	: POJ
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual) adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.0 atau yang setaraf dengannya; **DAN**
  - a. Diploma pasca ijazah dalam dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00 dalam bidang pendidikan dan pengurusan sekolah/institusi pendidikan/institusi latihan dan sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman; **ATAU**
  - b. Mempunyai pengalaman yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; **ATAU**
  - c. Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa; **ATAU**
  - d. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### 3. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum	: 3 Semester
Tempoh Maksimum	: 8 Semester

#### **4. Matlamat Program**

Untuk melahirkan pakar dalam bidang Pendidikan Seni Visual yang boleh berfungsi sebagai perancang dan pelaksana di pelbagai agensi pendidikan sektor kerajaan dan swasta, selaras dengan visi dan misi Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dalam hal penjanaan ilmu dalam pendidikan dan pembangunan insan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

#### **5. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat:

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Menguasai teori dan prinsip penting dalam bidang Pendidikan Seni Visual
PO2	Mengaplikasi kemahiran penyelidikan untuk menyelesaikan masalah berkaitan bidang Pendidikan Seni Visual dalam konteks multidisiplin dan pelbagai budaya
PO3	Mempamerkan keperhatinan terhadap perkembangan dan isu kontemporari berkaitan Pendidikan Seni Visual
PO4	Mengekalkan amalan terbaik dalam pengurusan maklumat supaya mampu menjana pengetahuan berkaitan bidang Pendidikan Seni Visual secara profesional
PO5	Menampilkan nilai kepimpinan yang inovatif menerusi kolaborasi dengan pelbagai pihak bagi meluaskan ilmu Pendidikan Seni Visual sesuai dengan keperluan semasa
PO6	Menganalisis teori, polisi dan aliran kontemporari berkaitan dengan bidang Pendidikan Seni secara kritis dan saintifik.
PO7	Melibatkan diri dalam mengurus maklumat bagi melestarikan pembelajaran Pendidikan Seni secara berterusan.

#### **6. Struktur Program**

Struktur Program Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual) dirangka mengikut pendekatan kontemporari yang mengambil kira unsur teori dan amalan umtuk pengajian peringkat lepasan ijazah yang terkini. Manakala kandungan kurikulum pula direkabentuk mengikut perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang seajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit yang merangkumi Sembilan (9) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus elektif dan Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi. Kursus-kursus disampaikan menerusi kuliah, pembacaan online menggunakan spektrum, perbincangan, kerja kelas, kerja studio, pembentangan, dan aktiviti penyelidikan, bergantung pada sifat kursus yang terlibat. Penyediaan disertasi bermula pada semester 3 setelah semua kursus disempurnakan.

**Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POX7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan	3 kredit
POJ7002	Perspektif Penyelidikan Pendidikan Seni Visual	3 kredit
POJ7001	Rekabentuk Kurikulum dalam Pendidikan Seni Visual	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Dua)**

POJ7005	Psikologi Seni Visual	3 kredit
POJ7003	Pentaksiran dan Penilaian Pendidikan Seni Visual	3 kredit
POJ7004	Perkembangan Seni Visual Kanak-Kanak	3 kredit
POJ7006	Seminar dalam Penyelidikan Pendidikan Seni Visual	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SENI VISAUL)  
SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)**

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT KESELURUHAN
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
Kursus Teras	POX 7001  Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan  POJ 7001 Kurikulum dalam Pendidikan Seni Visual	3  3	POJ 7002  Perspektif Penyelidikan Pendidikan Seni Visual	3			9
Kursus Elektif (Pilih 2)	POJ 7003  Pentaksiran dan Penilaian Pendidikan Seni Visual  POJ 7004  Perkembangan Seni Visual Kanak-Kanak	3  3	POJ 7005 Psikologi Seni Visual  POJ 7006 Seminar dalam Penyelidikan Pendidikan Seni Visual  POX 7002 Disertasi (P)	3  3  15		15	6  30
Jumlah Kredit		9		21		15	45

**JUMLAH KREDIT KESELURUHAN: 45 jam kredit**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

**1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.

- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

**2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

**3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

**4. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan)
Kod Program	: POK
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan) adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.0; **DAN**
  - a. Diploma pasca ijazah dalam bidang pendidikan dan pengurusan sekolah/institusi pendidikan/ institusi latihan dan sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman; **ATAU**
  - b. Mempunyai pengalaman yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; **ATAU**
  - c. Kelayakan lain yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa; **ATAU**
  - d. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

#### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### 3. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum	: 3 Semester
Tempoh Maksimum	: 8 Semester

#### **4. Matlamat Program**

Untuk menghasilkan graduan yang dinamik dan reflektif dalam bidang Sosiologi Pendidikan, yang berupaya memantau dan memperbaiki amalan profesionalisme mereka dengan kebolehan mengaplikasi pengetahuan teori, mengukuhkan kemahiran praktikal dan menyempurnakan aktiviti penyelidikan dalam menyelesaikan masalah berkaitan bidang bagi menyumbang kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

#### **5. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat;

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Mengaplikasikan dan mengintegrasikan pengetahuan berkaitan isu dan trend global dan tempatan terkini dalam penyelidikan bidang Sosiologi Pendidikan berkaitan sistem sosial dan sekolah.
PO2	Mengaplikasi kemahiran teknik penyelidikan untuk memperoleh dan memajukan pengetahuan agar menyelesaikan masalah berkaitan bidang Sosiologi Pendidikan dalam konteks sekolah dan masyarakat global dan tempatan
PO3	Mempamerkan kebolehan berkomunikasi, memimpin dan berkerjasama dengan pelbagai pihak bagi melaksanakan aktiviti bagi meluaskan ilmu Sosiologi Pendidikan untuk keperluan semasa sekolah dan masyarakat
PO4	Melibatkan diri dengan penggunaan kemahiran saintifik dan proses penyelesaian masalah untuk mensintesiskan pengetahuan lanjutan dalam bidang Sosiologi Pendidikan global dan tempatan
PO5	Mempamerkan profesionalisme sebagai seorang pendidik dengan keprihatinan dan kebolehan dalam mengembangkan komuniti pembelajaran masa hadapan berkaitan isu kontemporari Sosiologi pendidikan dalam konteks sekolah dan masyarakat global dan tempatan
PO6	Mereka bentuk dan menjalankan penyelidikan serta menganalisis secara kritis, dan beretika isu-isu kontemporari berkaitan bidang Sosiologi Pendidikan
PO7	Mengembangkan pengetahuan, pelbagai potensi dan bakat berkaitan Sosiologi Pendidikan secara berterusan, inkremental dan kumulatif dalam konteks sistem sosial dan sekolah

#### **6. Struktur Program**

Struktur Program Ijazah Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan) dirangka mengikut pendekatan kontemporari yang mengambil kira unsur teori dan amalan umtuk pengajian peringkat lepasan ijazah yang terkini. Manakala kandungan kurikulum pula direkabentuk mengikut perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang seajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit yang merangkumi Sembilan (9) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus elektif dan Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi. Kursus-kursus disampaikan menerusi kuliah, pembacaan online menggunakan spektrum, perbincangan, kerja kelas, kerja studio, pembentangan, dan aktiviti penyelidikan, bergantung pada sifat kursus yang terlibat. Penyediaan disertasi bermula pada semester 3 setelah semua kursus disempurnakan.

**Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POX 7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan	3 kredit
POK 7001	Interpretasi Sosiologi dalam Pendidikan	3 kredit
POK 7002	Sosiologi Pendidikan: Perspektif Perbandingan	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Dua)**

POK 7003	Ketidaksamaan Sosial dalam Pendidikan	3 kredit
POK 7004	Sosiologi Remaja	3 kredit
POK 7005	Institusi Sosial dalam Pendidikan	3 kredit
POK 7006	Trend dan Isu dalam Pendidikan Sains Sosial	3 kredit
POI 7005	Devian, Delinkuensi dan Masalah Sosial	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)  
SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)**

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
Kursus Teras	POX 7001 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan POK 7001 Interpretasi Sosiologi dalam Pendidikan	3 3	POK 7002 Sosiologi Pendidikan: Perspektif Perbandingan	3			9
Kursus Elektif (Pilih 2)	POK 7003 Ketidaksamaan Sosial dalam Pendidikan POK 7004 Sosiologi Remaja POK 7005 Institusi Sosial dalam Pendidikan	3 3 3	POK 7006 Trend dan Isu dalam Pendidikan Sains Sosial POI 7005 Devian, Delinkuensi dan Masalah Sosial	3 3			6
Disertasi			POX 7002 Disertasi (P)	15	POX 7002 Disertasi (P)	15	30
Jumlah Kredit		9		21		15	45

**Jumlah Kredit Keseluruhan = 45 jam kredit**

## **PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

### **1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.
- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

### **2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

### **3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

### **4. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains)
Kod Program	: POC
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains) adalah seperti berikut:

- i. Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00 atau yang setaraf dengannya dalam pengkhususan Sains; **ATAU**
- ii. Ijazah Sarjana Muda berasaskan Sains dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00 atau yang setaraf dengannya; **DAN**
  - a. Diploma Pendidikan pasca ijazah dengan PNGK 3.00; **ATAU**
  - b. Kelayakan perguruan yang diiktiraf oleh Universiti; **ATAU**
  - c. Pengalaman mengajar tidak kurang daripada satu tahun yang berkaitan dari Institusi yang diiktiraf oleh Senat; **ATAU**
  - d. Kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf; **ATAU**
  - e. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### 3. Tempoh Pengajian

Tempoh Minimum	: 3 Semester
Tempoh Maksimum	: 8 Semester

#### **4. Matlamat Program**

Untuk menghasilkan graduan yang dinamik dan reflektif yang boleh mengaplikasi pengetahuan praktikal, teori pendidikan, penyelidikan terkini dan pengetahuan Sains untuk menyelesaikan masalah dalam menghadapi cabaran dan keperluan diperingkat nasional dan global dalam pendidikan sains.

#### **5. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat:

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Menguasai pengetahuan tentang teori, pedagogi dan perkembangan terkini dalam pendidikan sains.
PO2	Mengaplikasi pelbagai teori pendidikan dan kemahiran saintifik dalam pengajaran dan pembelajaran sains serta menjalankan penyelidikan yang relevan dengan cekap dan berkesan
PO3	Mengamalkan tanggungjawab sosial terhadap isu kontemporari yang berkaitan dengan bidang dalam pendidikan sains dalam arena tempatan dan antarabangsa.
PO4	Mengamalkan nilai murni, sikap positif, dan etika profesionalisme dalam bidang perguruan dan kehidupan sehari-hari.
PO5	Mengaplikasikan pengetahuan sains dan kemahiran saintifik untuk memperkuatkannya komunikasi, meningkatkan kepimpinan dan mengembangkan keupayaan untuk bekerja berpasukan.
PO6	Menganalisis teori, polisi dan isu kontemporari secara kritis dan menghasilkan idea inovatif dan kreatif berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang menyumbang kepada bidang Pendidikan Sains
PO7	Melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat dan mengurus maklumat yang berkaitan dengan Pendidikan Sains secara berkesan

#### **6. Struktur Program**

Struktur Program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sains) berasaskan pendekatan bersifat kontemporari untuk melahirkan graduan pendidikan sains yang relevan dan berwibawa. Kandungan kurikulum direkabentuk bersandarkan perkembangan ilmu pendidikan daripada perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang sejarah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara 2013-2025.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit yang merangkumi Sembilan (9) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus elektif dan Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi yang melibatkan aktiviti Kuliah, perbincangan, *e-learning*, forum, projek, pembelajaran teradun (*blended learning*).

##### **Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POC 7002	Kajian Kurikulum dalam Pendidikan Sains	3 kredit
POC 7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Sains	3 kredit
POC 7003	Isu Kontemporari dalam Pendidikan Sains	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Dua)**

PQX 7001	Statistik untuk Penyelidikan dalam Pendidikan	3 kredit
POC 7005	Pentaksiran dalam Pendidikan Sains	3 kredit
POC 7004	Pembelajaran dan Kognisi dalam Pendidikan Sains	3 kredit
PQC 7004	Pendidikan, Alam Sekitar dan Kelestarian	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SAINS)  
SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)**

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT KESELURUHAN
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
Kursus Teras	POC 7002 Kajian Kurikulum dalam Pendidikan sains  POC 7001 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Sains  POC 7003 Isu Kontemporari dalam Pendidikan Sains	3  3  3					9
Kursus Elektif (Pilih 2)	POC 7004 Pembelajaran dan Kognisi dalam Pendidikan Sains  PQX 7001 Statistik untuk Penyelidikan dalam Pendidikan	3  3	POC 7005 Pentaksiran dalam Pendidikan Sains  PQC 7004 Pendidikan, Alam Sekitar dan Kelestarian	3  3			6
			POX 7002 Disertasi (P)	15	POX 7002 Disertasi (P)	15	30
Jumlah Kredit		12		18		15	45

**JUMLAH KREDIT KESELURUHAN: 45 jam kredit**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

**1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.
- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

**2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

### **3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

### **4. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon.

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Matematik)
Kod Program	: POD
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Matematik) adalah seperti berikut:

- i Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00 atau yang setaraf dengannya dalam pengkhususan Matematik; **ATAU**
- ii. Ijazah Sarjana Muda berdasarkan Matematik dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00 atau yang setaraf dengannya; **DAN**
  - a. Diploma Pendidikan pasca ijazah dengan PNGK 3.00; **ATAU**
  - b. Kelayakan perguruan yang diiktiraf oleh Universiti; **ATAU**
  - c. Pengalaman mengajar tidak kurang daripada satu tahun yang berkaitan dari Institusi yang diiktiraf oleh Senat; **ATAU**
  - d. Kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf; **ATAU**
  - e. Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

### Pelajar Antarabangsa

Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat Universiti Malaya.

dan

Memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System (IELTS)(Academic)*.

atau

Memperolehi skor minimum sebanyak 550 (*Paper based*), skor 213 (*Computer based*) atau skor 80 (*Internet based*) bagi *Test of English as a Foreign Language (TOEFL)*

### **3. Tempoh Pengajian**

Tempoh Minimum	: 3 Semester
Tempoh Maksimum	: 8 Semester

### **4. Matlamat Program**

Untuk menghasilkan graduan yang profesional, dinamik dan reflektif serta berupaya memantau dan memperbaiki amalan, mengaplikasikan teori dan pengetahuan praktikal, menjalankan penyelidikan dan mampu menghadapi cabaran masa kini di peringkat nasional dan global.

### **5. Hasil Pembelajaran Program**

Di akhir program, pelajar dapat;

<b>Domain MQF</b>	<b>Hasil Pembelajaran</b>
PO1	Menguasai pengetahuan yang relevan dan terkini dalam bidang Pendidikan Metamatik
PO2	Mengaplikasi pengetahuan yang berfaedah dalam Pendidikan Matematik melalui pembelajaran, pengajaran, dan penyelidikan termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pengupaya
PO3	Membentuk sikap keprihatinan terhadap pembangunan dan pengukuhan bidang Pendidikan Matematik
PO4	Mengembangkan adab, nilai dan etika yang baik dalam bidang pendidikan Matematik
PO5	Mengukuhkan jalinan kerjasama yang kreatif dengan pelbagai pihak bagi menjayakan aktiviti bermanfaat dalam bidang Pendidikan Matematik
PO6	Menganalisis dan mensintesis pelbagai pendekatan, polisi, dan fahaman dalam bidang Pendidikan Matematik secara kritis dan menyeluruh
PO7	Mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang pendidikan Matematik

### **6. Struktur Program**

Struktur Program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Matematik) berdasarkan pendekatan bersifat kontemporari untuk melahirkan warga pendidik yang cemerlang. Kandungan kurikulum direkabentuk bersandarkan perkembangan ilmu pendidikan daripada perspektif perkhidmatan dan pengajaran yang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Wawasan Negara serta Pelan Transformasi Negara.

Program ini merangkumi Empat Puluh Lima (45) jam kredit yang merangkumi Dua Belas (12) jam kredit bagi kursus teras, Tiga (3) jam kredit bagi kursus elektif serta Tiga Puluh (30) jam kredit bagi disertasi / laporan penyelidikan yang melibatkan aktiviti kuliah, tugas, perbincangan, pembentangan, penyelidikan, lawatan dan pendekatan yang berdasarkan teknologi.

**Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib)**

POD 7001	Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Matematik	3 kredit
POD 7002	Perkembangan Kurikulum dalam Pendidikan Matematik	3 kredit
POD 7005	Penyelesaian Masalah dalam Pendidikan Matematik	3 kredit
POD 7004	Pentaksiran dalam Pendidikan Matematik	3 kredit

**Kursus Elektif (Pilih Satu)**

PQX 7001	Statistik untuk Penyelidikan dalam Pendidikan	3 kredit
POD 7006	Pengajaran Matematik Masa Awal Kanak-Kanak	3 kredit
POD 7007	Teknologi dalam Pendidikan Matematik	3 kredit
POD 7003	Penyelidikan Lanjutan dalam Pendidikan Matematik	3 kredit

**Disertasi**

POX 7002	Disertasi	30 kredit
----------	-----------	-----------

**SENARAI KURSUS MENGIKUT SEMESTER (PERANCANGAN KULIAH)  
SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN MATEMATIK)**

KOMPONEN	SEMESTER 1		SEMESTER 2		SEMESTER 3		JUMLAH KREDIT KESELURUHAN
	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	MATA PELAJARAN	KREDIT	
<b>Kursus Teras</b>	POD 7001 Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan Matematik  POD 7002 Perkembangan Kurikulum dalam Pendidikan Matematik  POD 7005 Penyelesaian Masalah dalam Pendidikan Matematik	3  3  3	POD 7004 Pentaksiran dalam Pendidikan Matematik	3			12
<b>Kursus Elektif (Pilih 1)</b>	PQX 7001 Statistik untuk Penyelidikan dalam Pendidikan  POD 7006 Pengajaran Matematik Masa Awal Kanak-Kanak  POD 7007 Teknologi dalam Pendidikan Matematik	3  3  3	POD 7003 Penyelidikan Lanjutan dalam Pendidikan Matematik	3			3
			POX 7002 Disertasi (P)	15	POX 7002 Disertasi (P)	15	30
Jumlah Kredit		12		18		15	45

**JUMLAH KESELURUHAN KREDIT = 45 jam kredit**

## **PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014**

### **1. Pendaftaran Kursus**

- (1) Pendaftaran kursus dilakukan dalam tempoh selama dua (2) minggu dari tarikh permulaan semester.
- (2) Seseorang calon hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya tiga (3) kredit kursus termasuk kredit yang diperuntukan bagi penyelidikan pada mana-mana semester melainkan ia diluluskan penarikan diri daripada semester berkenaan.

### **2. Penyeliaan**

Pelantikan penyelia dilakukan tidak lewat daripada semester pertama pengajian.

### **3. Ketetapan Bidang Penyelidikan**

Ketetapan bidang bagi disertasi hendaklah dilakukan sebelum calon memulakan penyelidikannya.

### **5. Penyerahan**

- (1) Tajuk disertasi hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan semasa calon memberi notis untuk penyerahan disertasinya.
- (2) Calon hendaklah menyerahkan disertasi untuk peperiksaan dalam tempoh pencalonannya. Tempoh yang diambil untuk pemeriksaan disertasi dan apa-apa tempoh pembetulan atau kajian lanjut yang diperlukan oleh Jawatankuasa Pemeriksa tidak dianggap sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pencalonan calon

Nama Program	: Sarjana Pendidikan (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)
Kod Program	: POE
Mod Program	: Kursus dan Penyelidikan

## KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA) 2014

### 1. Jenis Program

Program secara Kursus dan Penyelidikan iaitu program pengajian secara gabungan perkuliahan dan penyelidikan yang membawa kepada penghasilan disertasi.

### 2. Syarat Kemasukan

Kelayakan masuk untuk mengikuti program Sarjana Pendidikan (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan) adalah seperti berikut:

- i. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00; **ATAU**
